

Headline **Kes jangkitan HIV menurun**
Date **22 Oct 2009**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Setempat**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **289,315 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **25**
Article Size **150 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **3,225**
PRValue **9,676**



Parlimen

Kes jangkitan HIV menurun

KUALA LUMPUR: Senario semasa menunjukkan bilangan mereka yang dijangkiti HIV semakin menurun, termasuk di kalangan wanita yang mudah terdedah kepada bahaya penyakit itu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, (*gambar*) berkata tren bilangan kes HIV dilaporkan membabitkan lelaki dan wanita di Malaysia mengikut tahun menunjukkan penurunan berterusan dari 6,756 kes pada 2003 kepada 3,692 kes pada 2008.

Katanya, tren wanita dijangkiti HIV dilaporkan mengikut tahun kelihatan meningkat hanya dari segi peratusan berbanding lelaki.

“Pada 2006, peratus wanita



dijangkiti HIV dilaporkan pada kadar 15 peratus meningkat kepada 19.1 peratus pada 2008 berbanding lelaki.

“Namun jika dilihat dari segi bilangan wanita dijang-

kiti HIV yang dilaporkan ia didapati menurun dari 875 kes, tahun 2006 kepada 704 kes tahun 2008.

“Bagi tempoh Januari hingga Jun 2009, 263 kes wanita dijangkiti HIV dilaporkan,” katanya menjawab soalan Chong Eng (DAP-Bukit Mertajam) yang meminta statistik wanita dengan HIV/Aids di Dewan Rakyat, di sini, semalam.

Jumlah terkumpul kes HIV di Malaysia sehingga Jun 2009 ialah 86,127. Daripada jumlah itu, pecahan mengikut jantina ialah 78,326 (90.9 peratus) lelaki manakala 7,801 (9.1 peratus) wanita.

Liow berkata, kes demam denggi pada tahun ini juga menunjukkannya pengura-

ngan hasil tindakan pencegahan dan kawalan dijalankan kerajaan bersama pembabitian masyarakat.

Menurutnya, pada minggu pertama tahun ini, sebanyak 1,633 kes dilaporkan dengan purata 1,176 kes setiap minggu sehingga akhir Mac lalu.

Bagaimanapun, katanya, pada minggu 41 tahun ini iaitu bagi tempoh 11 hingga 17 Oktober lalu, hanya 563 kes denggi dilaporkan.

“Sehingga 17 Oktober juga jumlah terkumpul kes denggi dilaporkan 33,123 kes berbanding 36,234 kes pada tempoh sama tahun 2008, menunjukkan penurunan kes 3,111 kes,” katanya.